

AKTIVITI UASA 2 Kata Ganti Nama Diri

Format Terbaharu UASA

Soalan 1 hingga 10

Pilih jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



1. Wak Akub telah mengupah beberapa orang buruh untuk membaiki bumbung rumah _____ yang telah rosak.
A -nya C ia
B beliau D kita
2. Walaupun anak-anak nelayan itu berasal daripada keluarga yang susah, namun _____ telah berjaya dalam pelajaran sehingga menjawat jawatan yang penting dalam syarikat.
A dia C anda
B kami D mereka
3. "Semasa tersesat di dalam hutan, _____ hanya minum air sungai untuk menghilangkan lapar," kata peserta itu kepada pemberita.
A dia C kami
B saya D patik
4. _____ Sultan Pahang akan mengadakan lawatan rasmi ke Kampung Bukit Tinggi.
A Saya
B Anda
C Dia
D Baginda
5. _____ akan menanam pokok hiasan semasa majlis perasmian bangunan baharu sekolah itu.
A Dia C Awak
B Kami D Beliau
6. "_____ hendaklah tunduk apabila lalu di hadapan orang tua sebagai tanda hormat," pesan emak kepada adik.
A Kamu C Mereka
B Saya D Kita
7. Ketua kelas itu meminta _____ membersihkan kelas bersama-sama supaya selesa belajar.
A hamba C beliau
B patik D kami
8. "Silakan duduk dahulu, saya akan memanggil _____ sebentar lagi," kata pegawai tersebut kepada ayah.
A daku C encik
B kalian D kamu
9. "_____ mesti memenangi perlawanan yang penting pada malam ini," kata Cikgu Jamil kepada pemain-pemainnya.
A Kami C Saudari
B Beliau D Kalian
10. "Pilihlah mana-mana selendang yang _____ suka. Harganya tidaklah mahal sangat," kata jurujual itu kepada ibu.
A cik C puan
B tuan D encik